

STPM 2021

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN KERJA KURSUS SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM) TAHUN 2021 PASCA COVID-19 BAGI MATA PELAJARAN *INFORMATION AND COMMUNICATIONS TECHNOLOGY (ICT)* DAN SAINS SUKAN

1. Garis Panduan Pelaksanaan Kerja Kursus (KK) STPM Tahun 2021, Pasca Covid-19 bagi mata pelajaran *ICT* dan Sains Sukan ini dikeluarkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) merujuk kepada Garis Panduan Kerja Kurus (STPM) tahun 2020 Pasca Covid-19 keluaran 2:2 Julai 2020 bagi tujuan membendung/mencegah penularan wabak Covid-19 semasa calon melaksanakan KK terutamanya yang melibatkan amali yang mempunyai kontak rapat.
2. Sebarang aktiviti KK STPM yang memerlukan **kontak rapat, bersentuhan**, berkumpul di ruang yang sempit, dan bertentangan dengan garis panduan SOP bagi membendung penularan wabak Covid-19 yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa adalah **dilarang sama sekali**.
3. Bagi pelaksanaan aktiviti KK STPM yang tidak melibatkan sebarang sentuhan pula, guru/calon hendaklah sentiasa mengamalkan norma hidup baharu yang ditetapkan, iaitu sentiasa memakai pelitup muka, menggunakan bahan pensanitasi tangan, dan mengamalkan penjarakan sosial sepanjang aktiviti berkenaan dijalankan bagi tujuan mengelakkan risiko jangkitan Covid-19.
4. Bagi mata pelajaran **Sains Sukan**, guru KK boleh melaksanakan tugas amali yang melibatkan kontak rapat/bersentuhan antara calon tetapi **wajib** mematuhi syarat yang berikut:
 - (i) Bagi Amali 1 (Pengurusan Pertandingan Sukan), guru boleh merancang satu pertandingan sukan/permainan yang tidak melibatkan kontak rapat seperti badminton, boling, dart, bola tampar, pantaque, karom, catur, memanah, *e-sports*, sukan rakyat, poco-poco, dan sepak takraw.
 - (ii) Bagi Amali 2 (Perkemahan), guru boleh merancang satu perkhemahan yang hanya dijalankan di dalam kawasan sekolah sahaja. Perkhemahan dijalankan selama tiga hari **tanpa** bermalam. Guru boleh merancang aktiviti perkhemahan dengan melaksanakan secara teori dan praktikal aktiviti tersebut tetapi perlulah mematuhi semua SOP yang telah dikeluarkan sebelum ini. Aktiviti perkhemahan yang melibatkan kontak rapat tidak dibenarkan.
 - (iii) Calon dikehendaki memakai pakaian perlindungan diri yang lengkap iaitu, menggunakan *face shield*, apron plastik pakai buang, dan sarung tangan plastik pakai buang seperti yang digunakan dalam industri gunting rambut dan salun kecantikan bagi:
 - (1) Amali 5 – Komposisi Badan
 - (2) Amali 7 – Kaedah Latihan
 - (3) Amali 12 – Penilaian Kecederaan
 - (4) Amali 13 – Kecederaan Tisu Lembut
5. Pakaian perlindungan diri yang digunakan itu bukanlah seperti yang dipakai oleh petugas hospital dan bukan gred perubatan.
6. Sekiranya pihak sekolah tidak boleh menyediakan perkara 4, pihak sekolah boleh membuat pilihan untuk mengambil kertas amali bertulis iaitu, Kertas 5 bagi menggantikan latihan amali yang tidak dapat dilaksanakan dengan kelulusan MPM melalui Jabatan Pelajaran Negeri masing-masing. Setelah pilihan dibuat oleh pihak sekolah, tiada pertukaran kertas boleh dilakukan selepas itu.